

Unimas perkenal 26 kursus jangka pendek

US Sabtu 23/7/11 m/s 2.

KOTA SAMARAHAN, Jumaat – Sebanyak 26 kursus jangka pendek akan diperkenalkan di bawah Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan (PPTP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan pakar dalam pelbagai bidang khususnya teknologi dan kejuruteraan.

Pengarahnya, Profesor Dr Lau Seng berkata, kesemua kursus itu belum ditentukan lagi bidangnya namun ia akan memberi fokus kepada bidang kejuruteraan, budaya niaga Jepun, seramik, penyaduran, teknologi dan reka bentuk bangunan.

Katanya, kesemua kursus itu akan diadakan secara singkat antara dua hingga tiga hari berdasarkan tajuk tertentu mengikut bengkel dan dijangka dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

"Kursus ini dikelola oleh pensyarah UNIMAS sendiri dan ditawarkan kepada siswazah dan mana-mana individu yang berminat untuk melengkapkan diri dalam bidang kemahiran," katanya dalam sidang media mengenai 26 kursus jangka pendek yang akan diperkenalkan di bawah Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan (PPTP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Rumah Universiti hari ini.

Beliau, berkata, program itu



BARISAN PENCERAMAH ... Dr Lau Seng (depan tengah) bersama penceramah yang akan terlibat dalam bengkel kursus jangka pendek di bawah Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan (PPTP) UNIMAS di Rumah Universiti itu, semalam. • NORLIZA TINGGAL

bakal melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan pelaksanaan projek pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) untuk mencapai status negara maju menjelang 2030.

Katanya, kursus singkat ini dijangka memberi laluan kepada siswazah baru tamat pengajian di IPTA serta mana-mana individu untuk mempelajari dengan lebih mendalam sesuatu bidang serta budaya perniagaan orang Jepun selain melatih mereka menjadi pekerja berkemahiran tinggi.

"Kita dapati terdapat jurang

cukup besar di antara pihak industri sehingga menyukarkan majikan mahu mengambil pekerja yang betul-betul layak kerana kebanyakan mereka tidak begitu mahir dalam bidang yang dipelajari," katanya.

Beliau memberitahu, kursus itu boleh dijadikan sebagai batu loncatan kepada siswazah dan mana-mana individu untuk berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Tambahnya, kursus itu mampu memberikan pengetahuan dan pengalaman berkaitan bidang kejuruteraan sekali

gus meningkatkan keyakinan peserta sebelum menceburi bidang pekerjaan sebenar.

"Selalunya peluang graduan untuk mendapat pekerjaan selepas tamat belajar bukan mudah kerana tiada pengalaman. Tetapi dengan adanya kursus seperti ini, pengalaman yang ditimba mampu menjadi bekalan untuk mencari pekerjaan," katanya.

Ujarnya, sesiapa yang berminat boleh melayari laman sesawang www.unimas.my/cctc atau menghubungi talian 082-582428 atau 082-582489.